

IPTS Dan Pemerksaan Sistem Pendidikan Di Malaysia: Alternatif Pilihan Ibu Bapa

¹Mohd Razali Hasam, ²Mohd Rakime Shaffai, ³Azizul Azrin Mahmor

¹Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau, ²Unit Pengoperasian Perniagaan, Kolej Komuniti Selandar,

³Jabatan Sukan dan Ko-kurikulum, Politeknik Nilai.

Email: ¹mohdrzalihassam@gmail.com, ²mohdrakime79@gmail.com, ³azizul.azrin@polinilai.edu.my

Abstrak

Penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti beberapa isu yang sedang dihadapi oleh Institusi Pendidikan Tinggi Swasta dalam menjadi salah satu hab pendidikan tinggi negara. Bagi memenuhi aspirasi ini ia mendorong kepada penubuhan terlalu banyak IPT dalam negara. Satu penyelidikan merumuskan bahawa unjuran semasa mendapati IPTS bakal berdepan situasi yang mana penawaran melebihi permintaan. IPTS sering dilabel sebagai institusi pilihan kedua. Masyarakat sering merasakan mereka yang belajar di IPTS adalah mereka yang gagal menempatkan diri di IPTA. Kertas ini membincangkan 7 isu utama yang dihadapi oleh IPTS masa kini dan menggariskan beberapa cadangan penyelesaian masalah atau penambahbaikan dari segi sistem, sumber mahupun budaya mengurus. Tujuan penulisan ini adalah untuk memberikan Ibu bapa gambaran jelas tentang pewujudan IPTS sebagai pilihan selain IPTA dan kupasan sisi baik IPTS yang kurang mendapat perhatian dari ibu bapa. Analisis juga dapat di lihat ibu bapa kurang berpengetahuan tentang kursus yang ada di IPTS selain dari kurangnya promosi yang dijalankan di media masa dan elektronik. Sekurang-kurangnya IPTS boleh menjadi satu alternatif bagi ibu bapa untuk menghantar anak mereka sebagai destinasi pendidikan seterusnya.

Kata kunci- IPTA, IPTS, Isu dan Cabaran, Pendidikan Malaysia, Antarabangsa

Abstract

This writing aims to identify some of the issues being faced by Private Higher Education Institutions in becoming one of the country's higher education hubs. In order to fulfill this aspiration, it encouraged the establishment of too many HEIs in the country. A research concluded that current projections found that IPTS will face a situation where supply exceeds demand. IPTS is often labeled as a second choice institution. The community often feels that those who study in IPTS are those who fail to place themselves in IPTA. This paper discusses the 7 main issues faced by IPTS today and outlines some suggestions for problem solving or improvements in terms of systems, resources and management culture. The purpose of this writing is to give parents a clear picture of the creation of IPTS as an option other than IPTA and to highlight the good sides of IPTS that receive less attention from parents. The analysis can also be seen that parents lack knowledge about the courses available at IPTS apart from the lack of promotion carried out in time and electronic media. At least IPTS can be an alternative for parents to send their children as their next educational destination.

Keywords— IPTA, IPTS, Issue and Challenge, Malaysia Education, International

PENDAHULUAN

Penubuhan IPTS di Malaysia adalah untuk menyokong sistem pendidikan negara dan menampung permintaan kemasukan yang tinggi saban tahun. Namun bilangan yang semakin bertambah setiap tahun berbanding bilangan pelajar asing yang datang mengikuti pengajian di Malaysia yang semakin berkurang mula dilihat sebagai satu pembaziran sumber. Walhal IPTS ini pada suatu ketika dahulu adalah salah satu penyelesaian masalah kepada negara. Pada tahun 1998, Timbalan Menteri Pendidikan ketika itu menyatakan bahawa kepesatan lahirnya IPTS adalah salah satu langkah dan strategi kerajaan untuk mengurangkan pergantungan kita agar tidak

menghantar pelajar melanjutkan pelajaran keluar negara (Tajudeen & Raja, 2019). Menjadi hasrat kerajaan ketika itu untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan yang cemerlang dalam dan luar negara. Fenomena perkembangan sektor pengajian swasta pada awal tahun 1990-an dapat dilihat dengan tertubuhnya banyak IPTS terutama di bandar-bandar besar. Dianggarkan jumlah IPTS negara ini melebihi 400 buah dengan kebanyakan terdapat di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Sesetengah dari IPTS telah mempunyai cawangan atau kampus cawangannya di negeri-negeri lain.

Permintaan guna tenaga yang tinggi terhadap tenaga kerja profesional dan mahir oleh sektor perindustrian dan perdagangan di Malaysia juga menjadi faktor utama kepesatan perkembangan pendidikan swasta dan ditambah lagi dengan gesaan dan galakan dari kerajaan agar sektor swasta melabur dalam pendidikan dengan menubuhkan IPTS.

Menurut Hassan (2007), pertambahan permintaan tempat belajar peringkat pengajian tinggi menggalakkan lagi penubuhan baru IPTS dalam menampung kekosongan yang gagal ditampung IPTA. Langkah drastik IPTS bergabung dengan universiti luar negara dan menawarkan program berkembar merupakan satu langkah bijak dimana yuran pengajian yang dikenakan adalah rendah tetapi kualiti yang diberikan adalah setanding IPTA. Ini menjadikan IPTS sebagai satu alternatif terbaik selain pilihan melanjutkan pengajian keluar negara. IPTS bukan sahaja berjaya menarik minat pelajar tempatan bahkan juga dari luar negara khasnya pelajar-pelajar Asean. IPTS perlu dilihat sebagai pelengkap dan bukannya pesaing kepada IPTA.

LATAR BELAKANG MASALAH

Kewujudan IPTS di dalam sistem pendidikan Malaysia tidak boleh disangkal lagi dari segi kepentingan. IPTS telah membantu kerajaan menjana pendapatan melalui sektor pendidikan dengan berjaya menarik minat ramai pelajar asing untuk belajar di Malaysia (Shahar et al., 2015). Namun beberapa isu berkaitan pengurusan dan pengendalian IPTS perlu diberi perhatian bagi menjamin IPTS kekal berkualiti sebagai sebahagian daripada Hab Pendidikan Utama negara. Di zaman yang serba maju ini ditambah lagi dengan penggunaan internet di hujung jari, ibu bapa akan mendapat maklumat yang mudah dan cepat melalui pencarian di dalam laman web untuk melakukan sedikit kajian IPTA dan IPTS yang harus menjadi destinasi anak mereka seterusnya untuk menyambung pelajaran.

Ibu bapa secara amnya adalah individu yang paling sibuk menimbangtara kemasukan ke IPTA atau IPTS yang harus dipilih untuk anak mereka selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) diumumkan atau selepas Matrikulasi untuk pemilihan kursus di peringkat ijazah atau lepasan Diploma untuk menyambung pelajaran ke peringkat ijazah. Pertimbangan ini juga melibatkan pertimbangan dari segi jumlah yuran belajar dan juga persekitaran di sesuatu tempat IPTA atau IPTS. Hampir setiap tahun berlakunya peningkatan dalam keputusan peperiksaan yang boleh di lihat dan di dengari dari media masa dan elektronik dan selalunya pihak IPTA akan menghadkan jumlah kemasukan pelajar untuk sesuatu program yang ditawarkan dan ini menjadikan jumlah pelajar yang ramai mendapat keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan tidak dapat memasuki IPTA. Kapasiti pelajar yang ditawarkan oleh IPTA kebiasaan tidak boleh melebihi norma pengambilan mereka atas faktor-faktor tertentu.

Persaingan kemasukan ke IPTA juga amat sengit dengan bilangan pelajar yang cemerlang bertambah hampir setiap tahun dan kursus yang ditawarkan menjadi rebutan pelajar yang cemerlang dan akan memberikan kesan kepada pelajar yang amat berharap memasuki IPTA sedangkan IPTS juga menawarkan kursus yang sama dan kualiti yang dihasilkan IPTS juga setara dengan IPTA. Namun kesedaran daripada masyarakat agak kurang khususnya dari ibubapa tentang kualiti dan penawaran kursus yang ditawarkan oleh IPTS yang sebenarnya boleh menandingi kualiti yang ada di IPTA.

2.1 Kepimpinan Tadbir Urus IPTS dan Kepimpinan Akademik

Isu yang selalu diperkatakan dalam topik tadbir urus adalah kegagalan IPTS untuk melaksanakan pemisahan kuasa kerana sebahagian besar IPTS adalah dimiliki dan digerakkan sendiri oleh pemilik. Justeru, kecelaruan antara menjaga kualiti dan memastikan perniagaan untung adalah satu masalah yang sering berlaku. Ada pula IPTS yang melantik Profesor dari kalangan usahawan atau pemilik IPTS dan bukannya mereka yang duduk dalam bidang akademik. Ini boleh mengakibatkan IPTS akan kehilangan pembudayaan akademik dalam institusi. IPTS yang berskala kecil pula selalu gagal mendapatkan ahli akademik yang berkualiti iaitu mereka yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan.

Perlembagaan yang disediakan oleh IPTS tidak lengkap dan tidak bersifat menyeluruh. Kelemahan yang jelas adalah segi kandungan dan terlalu asas. Struktur organisasi IPTS tidak menggambarkan ia adalah sebuah institusi pendidikan tinggi dan ia lebih sangat condong ke arah entiti perniagaan. Masalah yang paling ketara dari aspek tadbir urus adalah IPTS diuruskan sebagai sebuah entiti perniagaan dan bukannya sebuah IPT kerana objektifnya yang terpesong mengejar keuntungan dan bukannya memberikan mutu pendidikan terbaik.

2.2 Kualiti Kursus Pengajian dan Kemudahan Prasarana

Sebilangan besar IPTS beroperasi di persekitaran kurang kondusif bagi sesebuah IPT misalnya beroperasi di premis rumah kedai dan kekurangan kemudahan rekreasi untuk pelajar. Kursus yang ditawarkan juga sedikit lemah kerana kekurangan kepakaran dan pengalaman dalam merekabentuk kurikulum. IPTS juga tidak menekankan aspek pemantauan kualiti kerana bagi mereka ini adalah satu proses yang melibatkan kos yang tinggi dari segi pengurusan. Perkara ini telah menyebabkan sejumlah besar kursus akademik di IPTS masih belum mendapat status akreditasi penuh daripada pihak MQA.

Antara isu yang selalu didebatkan adalah berkenaan syarat kelayakan masuk yang berbeza antara IPTS dan IPTA. IPTS mempunyai syarat kelayakan masuk yang lebih rendah iaitu 3 kredit berbanding IPTA 5 kredit SPM. Bagi IPTS yang mempunyai kampus luar negara, mereka selalu dibanding beza dari segi kemudahan.

IPTS lebih berminat untuk menawarkan program yang menguntungkan serta mudah dijalankan dan selalunya memilih untuk tidak menawarkan program yang memerlukan kos yang tinggi untuk dijalankan.

2.3 Penguatkuasaan Akta 555

Peranan Kementerian dalam memperkasakan penguatkuasaan ke atas IPTS perlu dimulakan dari dalam. Kemaskini struktur bahagian penguatkuasaan perlu dilaksanakan bagi memantapkan kualiti perkhidmatan. Tindakan penguatkuasaan secara praktikal juga perlu diberi kelainan. Tindakan yang lebih tegas sudah boleh dimulakan dengan menganggapkan tindakan nasihat dan membantu tidak lagi berkesan dalam memastikan IPTS akur kepada peruntukan undang-undang Akta 555. Kekurangan pakar dan sumber juga berkait rapat dengan isu penguatkuasaan ketika ini.

2.4 Saiz dan Bilangan IPTS

Bilangan IPTS yang sedang aktif dalam negara dilihat sebagai melebihi dari keperluan. Oleh yang demikian penawaran melebihi dari permintaan. Jadi apakah bilangan dan saiz yang ideal untuk IPTS beroperasi di Malaysia?

2.5 Imej dan Penjenamaan

Terdapat beberapa IPTS yang telah merosakkan jenama Pendidikan Malaysia dengan menawarkan iklan dan janji palsu. Malaysia juga pernah dituduh sebagai pengeluar ijazah palsu dan pengambilan pelajar antarabangsa yang tidak berkelayakan. Isu ini telah menyebabkan beberapa negara menarik diri daripada aktif menghantar pelajar mereka ke Malaysia. Jelas berbeza dengan negara lain, di Malaysia sektor swasta yang mengawal jenama pendidikan.

2.6 Pelajar Antarabangsa

Kehadiran sebilangan besar pelajar antarabangsa dari negara yang sama di sesebuah IPTS mendorong mereka untuk berkumpul dan meningkatkan kecenderungan untuk melakukan kesalahan undang-undang dan ini menimbulkan persepsi yang negatif dikalangan penduduk tempatan. Pelajar dari negara sub sahara mendominasi di IPTS tertentu terutamanya dari negara Afrika dan kelayakan masuk sebilangan besar pelajar ini boleh dipertikaikan kesahihan. Dan dalam beberapa kejadian, status kesihatan pelajar asing ini turut dipertikaikan kerana ketidakkonsisten keputusan pemeriksaan kesihatan di negara asal dan di Malaysia.

2.7 Peluang Penyelidikan

Antara isu kritikal yang dihadapi IPTS adalah berkaitan budaya penyelidikan. Penyelidikan bukan satu cabang utama pendidikan di IPTS, ini dapat dilihat dengan rendahnya bilangan aktiviti berteraskan penyelidikan yang berlangsung di IPTS. Antara faktor menolak kepada isu ini adalah faktor kewangan dan kebanyakan pemilik IPTS tidak menganggap aktiviti dan budaya penyelidikan ini bakal menguntungkan perniagaan mereka.

2.8 Objektif Kajian

- a. Mengenalpasti kesedaran pensyarah tentang kewujudan IPTS yang berkualiti.
- b. Mengenalpasti kelebihan yang ada di IPTS.

KAJIAN LITERATUR

IPTS dilihat mempunyai sedikit kelebihan daripada IPTA dari segi keunikan. Ada kursus tertentu hanya ditawarkan di IPTS dan ini menjadikan IPTS sebagai alternatif terbaik bagi mereka yang mencari kelainan dalam memilih kursus. Peluang untuk melanjutkan pengajian di IPTS dalam bidang atau kursus yang diminati menjadi salah satu sebab perkembangan pendidikan tinggi swasta di Malaysia.

Menurut Chang (2017), kebanyakan IPTS menawarkan program ijazah berkembar dengan universiti luar negara secara tempatan. Melalui program seumpama ini, kualiti pengajian luar negara dapat dicapai dengan yuran pengajian dan kos sara hidup yang rendah. Kualiti ataupun kaedah pembelajaran ini meningkatkan kebolehpasaran graduan IPTS jika dibandingkan dengan graduan IPTA.

Menurut Chang (2017), IPTS lebih dilihat memberikan penumpuan dan fokus kepada bidang berasaskan perusahaan dan perindustrian dengan kebanyakan bidang yang ditawarkan adalah berdasarkan sains dan perniagaan – sains kejuruteraan, komputer dan teknologi maklumat dan bidang perniagaan. Bidang kejuruteraan yang ditawarkan secara luas di IPTS merangkumi bidang elektrik dan elektronik, sistem komunikasi, sistem informasi disamping sivil, mekanikal, mekatronik dan alam sekitar. Manakala pecahan bidang perniagaan adalah pengurusan, pemasaran, perakaunan, pentadbiran perniagaan, perdagangan, keusahawanan, sekretariat, peruncitan, perhubungan awam, pengurusan operasi dan pengurusan acara.

IPTA memberi pendekatan komprehensif dalam pendidikan manakala IPTS mengutamakan pasaran dalam pilihan kursus yang ditawarkan Zahid & Shah (2018), IPTA dan IPTS pada ketika ini dilihat sebagai saling melengkapi antara satu sama lain dalam penawaran bidang pengajian dan ini membantu kerajaan dalam mewujudkan graduan yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu bentuk kajian deskriptif dengan menggunakan kaedah soal selidik. Populasi dan sampel responden di pilih dari kalangan pensyarah Jabatan

Perdagangan, Politeknik Merlimau yang dikategorikan sebagai ibubapa yang memiliki anak-anak yang menyambung pengajian di IPTA mahupun di IPTS iaitu seramai 39 orang responden. Menurut Syed Arabi (1998), soal selidik adalah satu alat yang penting bagi seseorang pengkaji kerana kualiti atau mutu soal selidik akan menentukan nilai penyelidikan pada keseluruhannya. Penggunaan min untuk menggambarkan keseluruhan skala likert. Penggunaan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* version 25 digunakan untuk menganalisis item soal selidik dari maklumbalas responden.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Analisis ini dijalankan ke atas 39 orang responden dan memperoleh tahap ketepatan dan kesahan soal selidik yang diedarkan kepada pensyarah Jabatan Perdagangan yang merupakan sampel untuk kajian ini menggunakan IBM SPSS versi 25. Alpha Cronbach dibangunkan oleh Lee Cronbach (1951), digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan, atau konsistensi dalaman. Kebolehpercayaan ialah sejauh mana ujian mengukur sesuatu konstruk. Secara amnya, nilai pekali kebolehpercayaan lebih 0.7 telah diterima dalam kajian dan menunjukkan item yang disediakan adalah boleh dipercayai. Oleh itu, didapati nilai Alpha Cronbach yang dibuat ialah 0.927 mewakili 20 item, bermakna purata nilai tersebut adalah baik dan diterima dalam soalan serta boleh dipercayai dalam kajian.

Bagi soal selidik ini, pengkaji menggunakan skala likert untuk mengukur kualiti perkhidmatan dengan menggunakan dua pembolehubah iaitu mengenalpasti kesedaran pensyarah tentang kewujudan IPTS yang berkualiti dan mengenalpasti kelebihan yang ada di IPTS. Skala likert yang digunakan adalah 1 sangat tidak setuju, 2 tidak setuju, 3 Tidak pasti, 4 Setuju, 5 sangat Setuju.

Jadual 1: Skala Likert

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju

Perbincangan interpretasi skor min dan analisis tahap menggunakan skala Likert 5 poin. Interpretasi skor min adalah mengira purata skala bagi setiap item dan boleh diinterpretasi kan seperti berikut :

Jadual 2: Skor Min

Pernyataan	Tahap min
Rendah	1.00 - 2.00
Sederhana Rendah	2.01 - 3.00
Sederhana Tinggi	3.01 - 4.00
Tinggi	4.01 - 5.00

Berikut merupakan data statistik yang dikumpul tentang ciri sampel. Berdasarkan faktor tentang latar belakang responden iaitu merujuk kepada jantina, umur dan bangsa.

Jadual 3: Data Statistik Mengikut Jantina

JANTINA	KEKERAPAN	PERATUS (%)
LELAKI	5	12.8
PEREMPUAN	34	87.2
JUMLAH	39	100
UMUR		
21-30 TAHUN	1	2.6
31-40 TAHUN	9	23.1

41-50 TAHUN	27	69.2
50 TAHUN KEATAS	2	5.1
JUMLAH	39	100
BANGSA		
MELAYU	39	100

5.1 Analisis Objektif Pertama

Jadual 4: Analisis Objektif Pertama

Mengenalpasti Kesedaran Pensyarah Tentang Kewujudan IPTS			
Bil.	Pernyataan	Min	Keputusan
1.	Saya tahu maklumat mengenai IPTS melalui kawan-kawan dan media masa.	4.2308	Tinggi
2.	Saya tahu banyak IPTS wujud di Malaysia.	4.4615	Tinggi
3.	Saya tahu kursus yang di tawarkan di IPTS.	3.6410	Sederhana Tinggi
4.	Saya tahu terdapat IPTS yang berkualiti di Malaysia.	3.6667	Sederhana Tinggi
5.	Saya tahu ramai pelajar memilih IPTS untuk menyambung pelajaran.	3.3590	Sederhana Tinggi
6.	Saya berminat untuk menghantar anak/adik beradik/saudara mara saya ke IPTS.	2.9744	Sederhana Rendah
7.	Saya selalu melihat kampus IPTS semasa ke destinasi luar dari tempat kediaman.	3.7949	Sederhana Tinggi
8.	Saya tahu IPTS banyak mengeluarkan pelajar yang memenuhi pasaran kerja.	3.7179	Sederhana Tinggi
9.	Saya merasakan IPTS boleh setanding dengan IPTA.	3.6667	Sederhana Tinggi
10.	Saya selalu mendengar nama IPTS yang popular di Malaysia.	4.0256	Tinggi

Berdasarkan kepada jadual di atas, dapat dilihat kesedaran Pensyarah Jabatan Perdagangan, mempunyai kesedaran yang sederhana tinggi sahaja berkenaan kewujudan IPTS. Ini dapat dibuktikan apabila daripada 10 item terdapat 7 item yang mewakili skor min yang sederhana tinggi. Pensyarah hanya mengetahui banyak IPTS yang wujud di Malaysia dengan skor min paling tinggi iaitu 4.4615, manakala jika dilihat daripada item ke-6 kebanyakan pensyarah tidak bersetuju dengan pilihan untuk menghantar anak mereka ke IPTS untuk menyambung pelajaran mempunyai skor min 2.9744 yang dikategorikan sebagai sederhana rendah. Secara umumnya pensyarah kurang bersetuju dengan beberapa pernyataan diatas dan maklumbalas yang diterima menunjukkan pensyarah masih lagi kurang kesedaran kepada kewujudan IPTS ini walaupun terbukti terdapat IPTS yang berkualiti dan mampu melahirkan pelajar mengikut pasaran kerja semasa.

5.2 Analisis Objektif Kedua

Jadual 5: Analisis Objektif Kedua

Mengenalpasti Kelebihan Yang Ada di IPTS			
Bil.	Pernyataan	Min	Keputusan
1.	Saya merasakan infrastruktur yang ada di IPTS adalah lengkap.	3.8462	Sederhana Tinggi
2.	Saya tahu penggunaan Bahasa Inggeris menjadi keutamaan dalam Pendidikan di IPTS.	3.8462	Sederhana Tinggi

3.	Saya tahu pensyarah yang ada di IPTS adalah dari kalangan individu yang berkelayakan.	3.8205	Sederhana Tinggi
4.	Saya merasakan kemudahan dari segi dewan kuliah adalah lebih baik di IPTS.	4.0256	Sederhana Tinggi
5.	Saya merasakan penggunaan bahan bantu mengajar yang canggih diberikan penekanan di IPTS.	4.000	Tinggi
6.	Saya tahu penginapan yang disediakan di IPTS adalah yang terbaik.	3.8974	Sederhana Tinggi
7.	Saya tahu banyak kenderaan awam disediakan berdekatan dengan IPTS.	3.4872	Sederhana Tinggi
8.	Saya tahu kemudahan padang/gimnasium adalah lengkap di IPTS.	3.6154	Sederhana
9.	Saya tahu IPTS melahirkan atlet sukan yang ramai.	3.4359	Sederhana
10.	Saya tahu IPTS sudah ada yang bertaraf antarabangsa.	3.8718	Sederhana Tinggi

Secara keseluruhannya, bagi objektif kedua ini pensyarah mempunyai kesedaran bahawa sememangnya IPTS mempunyai kelebihan tersendiri yang memungkinkan pelajar di luar sana memilih IPT yang menyediakan infrastuktur lengkap sebagai alternatif untuk menyambung pelajaran. Ini dapat dilihat pada item ke-4 yang mempunyai skor min yang sederhana tinggi iaitu 4.0256, pensyarah bersetuju dengan kemudahan yang disediakan oleh IPTS termasuk dewan kuliah serta penggunaan alat bantu mengajar yang lebih mengikut arus teknologi. Namun pensyarah tidak bersetuju dengan kelebihan yang ada di IPTS seperti melahirkan atlet sukan yang ramai dan penyediaan padang/gimnasium yang lengkap.

IMPLIKASI IPTS TERHADAP NEGARA

Kebaikan yang boleh dilihat dengan penubuhan IPTS adalah sebagai pelengkap yang sempurna buat IPTA sedia ada. Ini akan mewujudkan proses pendidikan yang lebih liberal dan demokrasi selaras dengan kehendak kerajaan yang ingin melihat penduduk Malaysia memiliki pendidikan tinggi. Penubuhan IPTS juga dapat mengurangkan pengaliran wang ke luar negara. IPTS berjaya mengukuhkan sumber pendapatan negara melalui sektor pendidikan dengan kehadiran beribu pelajar asing untuk belajar di negara kita (Taufek et al, 2016 dan Ahmad, 2016). IPTS berkemampuan untuk menyediakan kemudahan pembelajaran yang setanding bahkan lebih baik berbanding dengan IPTA. Ini dapat digambarkan dengan kekuatan dari segi kewangan yang kukuh hasil pungutan yuran pengajian yang agak lebih tinggi dari IPTA. Disamping IPTS dinaungi oleh individu dan organisasi yang mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dan mantap.

IPTS lebih dilihat pesaing kepada IPTS yang lain, Justeru, kepelbagaian dalam penawaran kursus yang menarik dan kemudahan bertaraf antarabangsa mampu menarik minat pelajar dan ibubapa. Disebalik semua perkara positif yang disebut pasti ada perkara yang memberi impak yang tidak menggembirakan. Beberapa IPTS yang ditubuhkan oleh badan korporat dan individu berkedudukan kukuh menganggap penubuhan IPTS adalah semata-mata untuk mempelbagaikan jenis perniagaan dengan mula tamak mengaut keuntungan dengan mengenakan yuran pengajian yang tinggi kepada pelajar. Ini memang menyimpang jauh dari hasrat kerajaan iaitu memenuhi tanggungjawab terhadap memartabatkan mutu pendidikan negara di mata dunia. Kewujudan terlalu banyak IPTS dalam pasaran sebenarnya telah menghilangkan keyakinan orang ramai terhadap sektor pendidikan swasta itu sendiri. Persaingan yang berlaku semakin tidak sihat dan sehingga ada yang mencari jalan mudah untuk mengaut keuntungan dengan penawaran janji yang tidak masuk akal kepada para pelajar. Lambakan kursus-kursus yang tidak menepati sasaran

industri juga punca IPTS mula dipertikai dari aspek kualiti (Noorezatty, 2003 dan Dawam et al., 2009).

Dalam satu kenyataan di dalam Berita Harian (Dis 1997) menyatakan IPTS di negara ini menggunakan khidmat pensyarah yang kurang berwibawa. Justeru, Kementerian melalui Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) telah memperketatkan undang-undang dan peraturan berkaitan pengurusan dan pengendalian IPTS secara keseluruhan. Pengawalseliaan dan penguatkuasaan mula dijalankan kepada mana-mana IPTS yang dipercayai melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta IPTS 1996. IPTS yang didapati bersalah boleh dikenakan tindakan kompaun atau di dakwa di Mahkamah.

Kerajaan menetapkan setiap pensyarah mesti mempunyai kelayakan pendidikan yang lebih tinggi daripada peringkat pengajian yang diajarnya. Sarjana Muda mengajar Diploma, Sarjana mengajar Sarjana Muda dan PhD mengajar Sarjana.

Dalam satu laporan Akbar Harian Metro bertarikh 18 Disember 2017; dilaporkan 33 IPTS ditutup akibat pelbagai masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan sepanjang tahun. Menurut Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata, ia meningkat berbanding jumlah keseluruhan, 46 yang ditutup sepanjang tahun 2012 hingga 2016. Idris dalam laporan yang sama juga menyatakan, penutupan IPTS berkenaan disebabkan pelbagai masalah yang dihadapi pihak pengurusan termasuk kekurangan pelajar dan isu berkaitan kewangan.

KESIMPULAN

Secara umumnya responden (Pensyarah Jabatan Perdagangan) sedar akan kewujudan banyak IPTS di Malaysia melalui media masa dan elektronik namun pengetahuan mereka tentang kursus yang ditawarkan di IPTS adalah terhad. Dapat dilihat skor min pada tahap sederhana yang membawa maksud responden kurang bersetuju tentang pengetahuan mereka tentang kursus yang ditawarkan di IPTS. Ada kemungkinan responden tidak mengambil tahu tentang kursus yang ditawarkan di IPTS akibat kurangnya promosi yang pihak mereka jalankan. Responden juga beranggapan IPTS tidak setanding dengan IPTA dapat dilihat daripada skor min sederhana melalui maklumbalas oleh responden.

Sistem pendidikan di Malaysia pada permulaan agak perlahan dengan sejumlah kecil institusi pendidikan awam ditubuhkan bagi menjadi pusat pemberi pendidikan peringkat pengajian tinggi di Malaysia. Namun bermula pada dekad 70-an, IPTS mula ditubuhkan bagi mengurangkan pengaliran keluar ramai pelajar terutama bukan bumiputera ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran. Hal ini berjaya membantu kerajaan mengurangkan pengaliran mata wang Malaysia keluar. Pada peringkat awal, IPTS hanya berperanan sebagai penyedia kursus pra universiti, menyediakan pelajar ke alam pekerjaan dan menjalankan kursus bahasa dan komunikasi.

Tidak dapat dipertikaikan kelebihan yang ada pada IPTS boleh menarik bakal pelajar untuk menyambung pelajaran di tempat mereka melalui skor min yang ditunjukkan pada tahap tinggi pada penyediaan infrastruktur yang lengkap, penggunaan alat bahan bantuan mengajar yang seiring dengan teknologi semasa, penyediaan dewan kuliah yang kondusif dan juga penginapan yang disediakan oleh IPTS itu sendiri. Namun responden kurang bersetuju dengan IPTS melahirkan atlet yang berjaya apabila skor min ditunjukkan pada tahap sederhana. Umum juga diketahui sebenarnya atlet sukan yang mewakili di peringkat kebangsaan adalah merupakan pelajar daripada IPTS disebabkan waktu kuliah yang anjal dan memberi kelebihan kepada atlet untuk memberi tumpuan kepada bidang sukan yang diwakili.

IPTS mula berkembang pada tahun 80-an dengan lebih banyak bilangan IPTS mula bertapak di Malaysia. Perkembangan yang memberangsangkan ini hasil usaha IPTS memperkenalkan program kerjasama dengan universiti luar negara. Ini mendorong ramai pelajar tempatan menggunakan platform IPTS untuk melanjutkan pengajian dan memiliki persijilan dari universiti luar negara.

Dasar liberalisasi kerajaan untuk menjadikan institusi pendidikan tinggi negara sebagai hab pendidikan serantau memangkin perkembangan IPTS di Malaysia. Galakan berterusan kerajaan kepada pihak korporat untuk melabur dalam industri pendidikan swasta ini menjadikan industri ini satu bidang yang amat penting. Ini selaras dengan permintaan tinggi ke atas tenaga kerja profesional dan mahir untuk sektor perindustrian. Justeru, IPTS mula mengalihkan tumpuan dengan mula menawarkan kursus-kursus berorientasikan pekerjaan bagi memenuhi keperluan dan permintaan semasa.

Pemantapan organisasi dan tadbir urus IPTS mula diperkemas dengan pelaksanaan akta-akta berkaitan pendidikan. Kewujudan persatuan yang berperanan menjaga kepentingan IPTS membantu dari segi khidmat nasihat dan lain-lain bantuan. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) menjadi satu panduan dan rujukan utama dalam pengoperasian IPTS dengan harapan, ketidakakuran undang-undang dan peraturan dapat diminimakan sebaiknya dan seterusnya mencapai objektif untuk memberikan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti.

Dasar pengantarabangsaan yang diperkenalkan membolehkan IPTS mula membuat pengambilan pelajar asing. Proses yang dijalankan secara intensif telah menjamin peningkatan pendapatan negara melalui enromen pelajar asing.

Walaupun bagaimanapun, beberapa isu dan cabaran yang digariskan dalam kertas ini perlu diberi perhatian oleh IPTS dan pihak kerajaan. Kerjasama kedua-dua pihak perlu ada bagi menjamin IPTS kekal dan relevan dalam pasaran sebagai penyedia perkhidmatan pendidikan berkelas dunia.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, R. F., Mohd Noor, S. S., & Kadir, M. N. (2017). *Peranan IPTA dan IPTS dalam menerapkan pendidikan al-Quran di dalam kurikulum sebagai kursus teras bagi semua pelajar Islam di Malaysia: Kajian awal di beberapa buah IPT di Malaysia*/Nor Ashiqeen Jamaluddin...[et al.].
- Cronbach, L. J. (1951). *Coefficient alpha and the internal structure of tests*. *Psychometrika*, 16, 297-334 (28,307 citations in Google Scholar as of 4/1/2016).
- Dawam, S. R. M., Ahmad, K. A., Kamaruzaman, J. H., Tajuddin, T., Elias, S. J., & Mansor, S. W. (2009). *The Use of ICT in Public and Private Institutions of Higher Learning, Malaysia*. *Comput. Inf. Sci.*, 2(4), 122-128.
- Hassan, D. D. Z. B. A. (2007). *Isu dan strategi ke arah pembangunan modal insan sektor pengajian tinggi bertaraf dunia*. *Jurnal Pengurusan*, 23. <https://goaypastpm.wordpress.com/2011/09/14/karangan-ipts-peranan-dan-masalah>
- Noorezatty, M. (2003). *Model Penentu Pencapaian Pelajar Untuk Program Kerjasama UUM-IPTS* (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Shahar, S., Ismail, R., Noor, Z. M., & Yussof, I. (2015). *Kecekapan teknik institusi pendidikan tinggi swasta di Malaysia*. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 49(1), 103-119.
- Tajudeen, A. B. A., & Raja, S. S. (2019). *Perkembangan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (Ipts) Di Malaysia, 1957-1992*. *Sejarah: Journal of the Department of History*, 28(1).
- Taufek, F. H. M., Ishak, I., Nor, M. A. B. M., Muslim, N. A. A. N. A., & Zainon, M. N. (2016). *Sustainability in Employment Relations: a Study of Workaholism and Work Engagement Between Private and Public University in Malaysia*. *World Applied Sciences Journal*, 34(4), 453-457.
- Zahid & Shahnazim (2018) *Peranan dan Implikasi IPTS Kepada Perkembangan Pendidikan Negara* *Harian Metro*, 18 Disember 2017